

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 11 OGOS 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selepas pengumuman pada tahun lepas perancangan untuk menaik taraf beberapa pusat pelupusan sampah kepada Waste-To-Energy (WTE), berapakah tapak pelupusan yang sedang dalam proses menaik taraf kepada WTE.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mensasarkan untuk menaiktaraf tapak pelupusan sedia ada kepada tapak pelupusan sanitari bersepadu, yang mana tapak-tapak pelupusan sanitari bersepadu ini bukan hanya dilengkapi dengan sistem kawalan pencemaran seperti loji rawatan air larut resap (*leachate treatment plant*) tetapi akan turut dilengkapi dengan sistem rawatan sisa pepejal berkonsepkan *Waste To Energy* (WtE). Pembinaan fasiliti rawatan WtE dicadang dibina di tapak-tapak pelupusan sedia ada.

2. Pembinaan fasiliti rawatan WtE ini adalah bertujuan untuk memastikan semua sisa pepejal yang dijana, dirawat terlebih dahulu sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan. Seterusnya ia dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan ke tapak pelupusan serta memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada.

3. Pada masa kini, 1 projek WtE di Ladang Tanah Merah, Port Dickson, Negeri Sembilan sedang dalam peringkat pembinaan dan 1 lagi projek WtE Kuala Lumpur telah pun selesai proses tender. Pengoperasian WtE Ladang Tanah Merah dijangka akan bermula pada April 2021 dan pembinaan WtE Kuala Lumpur akan dilaksanakan setelah lokasi bagi projek ini dimuktamadkan. Pada masa akan datang, KPKT merancang untuk membina 5 lagi projek WtE di Johor, Melaka, Kedah dan Pahang.

4. Walaupun KPKT merancang untuk membina fasiliti rawatan WtE, tapak pelupusan masih perlu dikekalkan bagi menerima sisa akhir (*residue*) seperti abu dari rawatan sisa pepejal. Kedua-dua fasiliti ini adalah saling melengkapi bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang mampan dan komprehensif. Sekian, terima kasih.